

Kakitangan awam perlu budayakan membaca

Kerajaan gigit berusaha merealisasikan Dekad Membaca Kebangsaan (DMK) 2021-2030 dengan slogan #MalaysiaMembaca untuk menjadi negara membaca menjelang 2030.

Banyak galakan membaca dilaksanakan meliputi pelbagai kumpulan sasar seperti komuniti dan institusi keluarga, kanak-kanak serta murid prasekolah, sekolah rendah dan menengah, belia, perjawat awam, golongan berkeperluan khas serta industri buku.

Ramai sarjana bersetuju membaca memberikan ilmu pengetahuan, di samping faedah mengikut tujuan membaca sama ada bijak menggunakan masa, hiburan, ketenangan, kurangkan tekanan, meningkatkan daya tumpuan, kemahiran menulis serta keupayaan daya analisis dan pemikiran.

Kajian menunjukkan mahasiswa membaca empat buku setahun atau 16 hingga 20 buku sehingga tamat pengajian. Secara purata rakyat Malaysia membaca empat buku setahun.

Pada 2016, The World's Most Literate Nation meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-53 berbanding Singapura (36).

Walaupun kajian merumuskan prestasi membaca dalam kalangan rakyat Malaysia belum

memberangsangkan, dapatan ini sepatutnya disambut dengan berlapang dada.

Usaha meningkatkan aktiviti membaca perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan bersasar.

Begitu juga sektor perkhidmatan awam yang perlu mengamalkan budaya membaca. Pegawai awam dapat mengetahui dan memahami, menghayati pelbagai bidang ilmu pengetahuan merangkumi konsep, terminologi, pendekatan, strategi, kaedah, teknik, norma, prosedur operasi standard serta amalan terbaik.

Selanjutnya pegawai dapat mencadang atau merangka pendekatan, strategi, kaedah atau mencari jalan menyelesaikan isu dan masalah dalam pengurusan serta pentadbiran awam.

Ia membantu bagi menekankan kepada kecekapan, keberkesanan, impak, keberhasilan, kualiti dan prestasi untuk kebijaksanaan, kesejahteraan, kemakmuran dan keharmonian rakyat.

Agensi kerajaan boleh menimbang untuk melaksanakan beberapa inisiatif. Pertama, sediakan infrastruktur asas, iaitu pusat sumber agensi kondusif untuk kemudahan pegawai membaca.

Kedua, sediakan bajet mencukupi untuk membeli atau melanggan bahan bacaan yang di-

perlukan pegawai, sama ada secara fizikal atau secara dalam talian.

Ketiga, dapatkan pandangan atau maklum balas pegawai mengenai bidang dan judul bahan bacaan yang akan dibeli atau dilanggan.

Keempat, sediakan perkhidmatan peminjaman buku secara bergerak, iaitu pusat sumber mencari pelanggan atau peminjam.

Kelima, laksanakan sesi perkongsian input melalui latihan seperti kursus, seminar, bengkel, kolokium dan persidangan.

Keenam, beri insentif seperti sijil penghargaan untuk sesi perkongsian input, penulisan dan penerbitan, markah bonus bagi penilaian prestasi serta peluang menghadiri kursus.

Pegawai awam perlu menyokong inisiatif terbabit dan membaca bahan berkredibiliti seperti buku, termasuk laporan institusi serta pertubuhan antarabangsa, jurnal, makalah, majalah dan akhbar.

Ia bertujuan meningkatkan pengetahuan dan keupayaan generik serta fungsional untuk pembangunan keupayaan organisasi dan pembangunan keupayaan kerjaya pegawai.

Bagi mengukuhkan pengetahuan dan pemahaman mengenai

perkara baharu, pegawai digalakkan menyediakan ulasan buku untuk dikongsi kepada pegawai lain. Pegawai boleh berkongsi input dalam program latihan.

Pegawai juga boleh berkongsi pengetahuan dan pengalaman melalui penulisan artikel, kajian kes serta ulasan buku.

Sebagai contoh, peserta kursus *Advanced Leadership and Management Programme* dan kursus *Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam* di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) diwajibkan menyediakan ulasan dan tugas ini diberi markah oleh panel penilai kursus.

Membaca hendaklah dijadikan amalan dan budaya selaras dengan konsep serta pendekatan pembelajaran sepanjang hayat.

Pemilihan bahan bersesuaian dengan bidang teras organisasi dan tugas pegawai penting bagi memberikan nilai tambah kepada pembangunan keupayaan organisasi serta pegawai.

Membaca jambatan ilmu perlu disambut penuh iltizam oleh semua pegawai awam bagi merealisasikan Malaysia sebagai negara membaca menjelang 2030.

Datuk Dr Roslan Mahmood,
Institut Tadbiran Awam Negara.